



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 1 JULAI 2023**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RINGGIT JATUH, HARGA BERAS IMPORT NAIK, UM-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KOREA SELATAN EKSPORT DAGING HANWOO KE MALAYSIA, ASTRO AWANI-ONLINE	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA

SURAT

1/7/2023

UTUSAN
MALAYSIA

ONLINE

Ringgit jatuh, harga beras import naik



SEORANG pekerja menyusun stok beras ketika tinjauan di Pasaraya Rozmin Setia Alam. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

PETALING JAYA: Kejatuhan nilai ringgit dijangka menyebabkan harga beras putih import meningkat antara RM1 dan RM2 sekampit.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Urusan Mydin, Datuk Ameer Ali Mydin berkata, harga beras putih import sebenarnya sudah meningkat sejak bulan lepas dan akan meningkat lagi pada bulan ini susulan kemerosotan nilai ringgit.

“Pada Mei, pembekal sudah menaikkan harga beras import antara RM1 dan RM2 dan kami sudah diberitahu akan meningkat lagi iaitu RM1 untuk kampit 5 kilogram (kg) dan RM2 untuk 10kg.

"Dulu pembekal jual beras import pada harga RM30 bagi kampit 10kg tetapi kini meningkat kepada RM33.50 atau RM34.

"Namun kalau dibandingkan dengan harga jualan runcit (RSP) bagi beras import, kita masih menjualnya pada lebih murah.

"Harga RSP yang ditentukan dan dicetak di atas paket adalah RM36 tetapi kita jual lebih rendah," jelasnya.

Rakyat negara ini menggunakan kira-kira 30 peratus beras import manakala bakinya daripada beras tempatan yang harganya masih kekal seperti harga lama.

Kelmarin, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) menegaskan harga beras putih tempatan tidak mengalami sebarang kenaikan seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.

Timbalan Menterinya, Chan Foong Hin berkata, ini kerana harga kawalan maksimum beras putih tempatan di peringkat pengguna masih pada kadar RM2.60 sekilogram seperti yang termaktub dalam peruntukan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522).

Ameer Ali berkata, walaupun ketika ini berlaku kekurangan 70 peratus bekalan beras tempatan Super Spesial Tempatan 5% (SST5) di pasaran yang berpunca daripada gelombang panas yang melanda negara, harga jualan masih tetap sama.

"Harga jualan masih kekal pada harga RM13 bagi lima kg seperti yang ditetapkan oleh kerajaan, namun harga kos sudah meningkat menjadikan harga daripada pembekal turut meningkat.

"Dahulu pembekal menjual pada harga RM12.50 bagi beras 5kg, jadi kami menjualnya semula pada harga RM12.80 atau RM13.

"Kini, pembekal menjualnya pada harga RM12.80 atau RM12.90, tapi kami masih perlu menjualnya pada harga RM13 kerana harga dikawal oleh kerajaan.

"Pasar raya besar seperti Mydin tidak begitu terjejas walaupun untung 10 sen tetapi kedai-kedai runcit, mereka tidak mampu, jadi mereka tidak menjualnya, menjadikan beras kurang di pasaran.

"Malah, pembekal sendiri kekurangan barang, sebagai contoh, 2,000 paket beras diminta oleh penjual tetapi hanya separuh atau lagi kurang dihantar.


"Memang betul beras tempatan SST5 tidak cukup di pasaran, menteri sepatutnya membuat tinjauan secara mengejut supaya dapat lihat masalah sebenar, bukan mengumumkan kepada semua sebelum turun kawasan.

"Kalau begitu sudah pasti pembekal akan menghantar barang siap sedia kepada kawasan tersebut sahaja supaya kelihatan mencukupi," katanya. – [UTUSAN](#)

Korea Selatan eksport daging hanwoo ke Malaysia

Bernama

Julai 1, 2023 06:40 MYT



Korea Selatan sudah mula mengeksport kumpulan pertama 'Hanwoo', daging lembu premium Korea yang disahkan halal ke Malaysia sejak 29 Jun. - Foto Twitter/@mingyoongia

KUALA LUMPUR: Korea Selatan sudah mula mengeksport kumpulan pertama 'Hanwoo', daging lembu premium Korea yang disahkan halal ke Malaysia sejak 29 Jun.

Kementerian Pertanian, Makanan dan Hal Ehwal Luar Bandar (MAFRA) republik itu dalam satu kenyataan pada Jumaat memaklumkan kumpulan pertama daging daripada 10 ekor lembu itu yang dieksport akan digunakan untuk menghasilkan menu mengetengahkan Hanwoo di restoran dan hotel tempatan.

"Satu program merasa dan menilai Hanwoo akan diadakan untuk memperkenalkan daging ini kepada pengguna Malaysia yang mungkin tidak mengetahuinya. Cef tempatan yang telah merasai Hanwoo memuji rasanya yang unik, teksturnya yang lembut, dan dijangka akan dapat menarik minat yang tinggi dalam pasaran Malaysia," katanya.

Ia menambah dengan pembukaan laluan untuk eksport Hanwoo yang disahkan halal buat julung kalinya, bilangan negara Hanwoo dieksport meningkat kepada empat, katanya.

"MAFRA merancang mempromosikan Hanwoo secara meluas, termasuk menjualnya di pasar raya utama serentak dengan waktu pameran makanan tempatan di Malaysia, membolehkan lebih pelanggan merasai Hanwoo," katanya lagi.

Menteri Pertanian, Makanan dan Hal Ehwal Luar Bandar Korea Selatan Chung Hwang-keun sendiri menemui pegawai-pegawai Kerajaan Malaysia bagi meyakinkan bahawa kesemua daging Hanwoo mempunyai pengurusan kebolehkesanan.

Timbalan Menteri MAFRA untuk Pejabat Dasar Makanan dan Koordinasi Kim Jung-hee dipetik dalam kenyataan itu berkata kejayaan mengeksport Hanwoo ke Malaysia selepas tujuh tahun rundingan mengenai kuarantin daging lembu akan menjadi satu batu loncatan ke pasaran halal mengandungi 1.9 bilion pengguna.

Beliau berharap ia akan membantu ladang ternakan Hanwoo yang menghadapi kesukaran ekoran masalah bekalan yang tidak menentu.

Memandangkan ini merupakan kemasukan pertama daging itu ke pasaran halal di Asia Tenggara, Kim berkata usaha akan dilaksanakan bagi meningkatkan pengurusan kualiti dan keselamatan produk Hanwoo untuk meluaskan lagi pasarannya ke luar negara.

Agenzia berita Korea Selatan, *Yonhap* yang memetik MAFRA melaporkan pada Khamis bahawa pada bulan lepas kedua-dua negara menandatangani kontrak pertama untuk memudah cara pengeksportan daging lembu Korea Selatan ke Malaysia yang memenuhi standard halal selepas mencapai satu persetujuan dalam rundingan kuarantin pada Mac lepas selepas tujuh tahun berunding.

Kementerian itu dilaporkan berkata mulai dengan kontrak pertama itu, Korea Selatan dijangka mengeksport sejumlah 1,875 tan daging lembu Korea untuk tiga tahun akan datang atau kira-kira 2,500 ekor lembu setahun yang melebihi 13 kali ganda daripada 44 tan daging yang dihantar ke luar negara tahun lepas.

-- BERNAMA